

18 JUL 1999

Hadi-PM

PEMIMPIN DAP TIDAK BOLEH JADI PM, HAJI HADI

BESUT, 18 Julai (Bernama) -- Selepas Presiden PAS Datuk Fadzil Noor menyatakan pemimpin DAP tidak boleh menjadi Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang menang dalam pilihan raya umum nanti, kini Timbalan Presidennya Haji Hadi Awang mengulangi pendirian PAS itu.

Hadi berkata pemimpin DAP termasuk Setiausaha Agungnya Lim Kit Siang tidak akan dilantik menjadi Perdana Menteri kerana mempunyai hanya 30 kerusi daripada 192 kerusi dalam Parlimen.

"Kalau hendak jadi PM, pemimpin itu mestilah mempunyai sokongan majoriti dalam Parlimen dan (pemimpin) DAP tidak boleh jadi PM sebab tidak cukup majoritinya kerana hanya ada 30 kerusi sahaja," katanya pada ceramah PAS di Kampung Tok Raja dekat Besut malam tadi.

Bagaimanapun, katanya, Perlembagaan Malaysia membenarkan sesiapa sahaja menjadi Perdana Menteri sekiranya mendapat sokongan majoriti daripada parti yang menang.

Beliau berkata sekiranya PAS menang dalam pilihan raya nanti, mereka akan tetap melaksanakan hukum hudud yang selama ini didakwa diperjuangkan oleh parti itu.

Menurutnya dalam penggubalan hukum hudud itu yang dibuat oleh PAS, semua pertubuhan agama, parti politik dan ahli akademik dijemput untuk membincangkan hukum itu tetapi UMNO tidak menyertainya walaupun dijemput.

Hadi berkata bekas Presiden Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah seorang yang jahil kerana mencabar pemimpin PAS bersumpah dengan Al-Quran berkaitan isu Timbalan Menteri Besar Kelantan (TMBK) yang didakwa dijanjikan semasa pakatan S46, PAS dan DAP dalam Angkatan Perpaduan Ummah pada pilihan raya umum 1990.

"Kita tidak janji TMBK pada mereka (S46) kerana hasrat Ku Li ini (Tengku Razaleigh) untuk jadi PM sekiranya APU menang tetapi bila kalah mereka pula minta jawatan (TMBK) itu," katanya.

Menurutnya PAS selalunya memberi peluang kepada bekas-bekas pemimpin UMNO yang dipecat untuk menggunakan parti itu sebagai platform berucap seperti Ku Li sewaktu menyertai S46 dan juga Anwar.

"Malah ketika Dr Mahathir dipecat oleh bekas Perdana Menteri Tuanku Abdul Rahman pada tahun 1969, sewaktu itu semua pemimpin UMNO tidak memperdulikannya...PASlah yang datang dan berbual serta memberikan peluang kepadanya (Dr Mahathir) untuk berucap di Kampar," katanya.

Bagaimanapun, Hadi tidak menyentuh mengenai isu yang timbul di PAS Kawasan Besut berkaitan dengan pemecatan empat anggotanya serta pembubaran Dewan Pemuda PAS Besut.

-- BERNAMA

SBS RI